




# **PARLIMEN MALAYSIA**



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB  
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB  
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA  
KEMENTERIAN**

**HARI KHAMIS: 16 OKTOBER 2008**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 12 HINGGA 34)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 11  
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**SOALAN NO. ( 12 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
( JELUTONG )

TARIKH : 16 OKTOBER 2008 ( KHAMIS )

**SOALAN :**

**Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada pangkalan data Suruhanjaya Syarikat-Syarikat Malaysia di bawah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Jabatan Perumahan Nasional di bawah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dapat diselaras untuk bersama-sama menyenarai-hitamkan pemaju-pemaju yang mengakibatkan projek-projek terbengkalai.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian berpandangan bahawa cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong merupakan satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, kriteria senarai hitam syarikat dan ahli lembaga Pengarah syarikat adalah mengikut peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi berkenaan. Sehubungan dengan itu, Kementerian mempunyai pengkalan datanya tersendiri termasuklah bagi menyenarai hitamkan syarikat pemaju dan ahli lembaga pengarah syarikat yang terbabit dalam projek perumahan terbengkalai.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2008

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG**  
**[ SIMPANG RENGAM ]**  
**TARIKH : 16 OKTOBER 2008**

**SOALAN:**

Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat mengemukakan nama dan keputusan akademik penerima biasiswa-biasiswa melalui laman web. Kalau tidak, mengapa.

**JAWAPAN:**

Tuan yang di-Pertua,

Jabatan ini berpendapat, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak mendedahkan nama dan keputusan akademik penerima biasiswa-biasiswa yang berjaya ditawarkan biasiswa kepada pihak umum sama ada melalui laman web atau akhbar untuk memelihara kerahsiaan dan hak individu tersebut.

**SOALAN NO: 14**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN  
KITINGAN [KENINGAU]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2008 [SELASA]**

**SOALAN : DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN  
KITINGAN minta MENTERI PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :-**

Sama ada Kerajaan bercadang untuk memberikan rebat ke atas penggunaan mesin untuk tujuan pertanian seperti mesin rumput, 'chain saw', generator dan sebagainya untuk membantu golongan petani miskin seperti yang diberikan kepada pemilik kenderaan.

**JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri  
Asas Tani**

## **Tuan Yang Dipertua,**

Buat masa ini Kerajaan tidak memberi rebat atas penggunaan mesin untuk tujuan pertanian seperti mesin rumput, 'chain saw', generator dan sebagainya, seperti yang diberikan kepada pemilik kenderaan. Walaupun begitu, Kerajaan telah menyediakan insentif pembajakan daripada tahun 2007 sebanyak RM100 sehektar bagi pesawah padi untuk mengurangkan beban kos membajak yang terpaksa ditanggung oleh pesawah padi. Insentif ini diberikan kepada semua pesawah di seluruh Malaysia di bawah Insentif Pengeluaran Padi dan bayaran membajak akan dibayar terus kepada pemilik jentera yang berdaftar dengan PPK

Bagi meringankan kos pembelian jentera dan peralatan pertanian yang diperlukan oleh para petani, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah memperkenalkan Skim Pemilikan Jentera dan Peralatan Kecil kepada petani di mana 50% daripada harga jentera dibiayai oleh Kerajaan dan 50% lagi dibiayai oleh para petani sendiri. Pembiayaan maksimum kepada individu adalah sebanyak RM5,000 dan RM20,000 untuk peserta kelompok atau berkumpulan. Tujuan skim ini adalah untuk menggalakkan pemilikan jentera sendiri oleh peladang. Seramai 611 petani kecil telah mendapat faedah daripada skim ini dengan jumlah sebanyak RM947,300. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga akan meneruskan skim ini di bawah Dasar Jaminan

Makanan Negara iaitu Program Mekanisasi Ladang untuk sawah padi dengan peruntukan sebanyak RM89.1juta pada tahun 2008.

LPP melalui Pertubuhan Peladang Negeri dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) turut menyediakan khidmat kejenteraan ladang seperti membajak, menuai, merata tanah, mengapur dan lain-lain secara sewaan kepada peladang-peladang yang ingin mengusahakan projek-projek pertanian di kawasan masing-masing. Perkhidmatan kejenteraan disalurkan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan atau terus kepada projek-projek kelompok, mini estet dan juga peladang/pesawah. Terdapat 17 buah pusat kejenteraan telah ditubuhkan di Semenanjung dan Sabah. Pusat kejenteraan ini menyediakan perkhidmatan penyewaan kejenteraan ladang termasuk pembaikan, dan penyelenggaraan jentera serta keperluan alat ganti.

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI  
[KAPIT]  
**TARIKH :** 16 Oktober 2008

**SOALAN** :

Y.B. Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Malaysia mempunyai simpanan stok minyak mentah (*oil stockpile*). Kalau ada berapa tong. Jika tiada, sila jelaskan adakah Kerajaan sekarang berhasrat mewujudkan simpanan stok minyak mentah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak ada rancangan untuk mewujudkan stok simpanan strategik minyak mentah pada masa ini. Walau bagaimanapun, pihak PETRONAS ada mempunyai depo-depo simpanan bagi minyak yang telah diproses yang boleh digunakan untuk menampung permintaan di waktu kecemasan dan untuk tempoh yang singkat. Dalam hubungan ini, sukalah dijelaskan bahawa medan minyak yang ditemui di perairan Malaysia sebenarnya merupakan stok simpanan semula jadi yang amat berkesan dan untuk itu kita tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk mengadakan infrastruktur baru bagi menyimpan minyak mentah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ  
[ SEREMBAN ]  
TARIKH : 16 OKTOBER 2008  
SOALAN :**

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah terdapat polisi yang diguna pakai ke atas pesakit warga emas termasuk laluan khas dan jumlah minit yang dianggarkan diambil bagi merawat pesakit warga emas di Hospital Tuanku Jaafar, Jalan Rasah, Seremban sebagaimana yang terdapat di Jabatan Pesakit Luar, Hospital Tuanku Jaafar, Seremban.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Klinik Pakar Hospital Tuanku Ja'afar Seremban mempunyai polisi rawatan kepada semua pesakit termasuk pesakit warga emas. Hospital ini juga menyediakan laluan khas untuk semua kategori pesakit seperti berikut:

- i. Warga Emas;
- ii. Orang Kurang Upaya (OKU);
- iii. Orang Kena Tuduh (OKT);
- iv. Kes-kes rujuk daripada Hospital/Klinik Kesihatan; dan
- v. Penderma Darah

Piagam Pelanggan masa menunggu di Klinik Pakar adalah seperti berikut:

- i. 80 peratus diperiksa dalam tempoh 60 minit.
- ii. 100 peratus diperiksa dalam tempoh 90 minit.

Pihak Kementerian juga sedang melaksanakan usaha-usaha untuk memendekkan waktu menunggu di Klinik Pesakit Luar Am kepada 30 minit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN**  
**TARIKH : 16 OKTOBER 2008**

**SOALAN:**

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [ Pengkalan Chepa ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kaedah pemberian milik tanah kepada pelabur-pelabur asing di Iskandar Malaysia, Johor. Terangkan kawasan-kawasan atau zon-zon pembangunan yang akan diberi secara pajakan (lease hold) selama 66 atau 99 tahun dan kawasan pembangunan yang akan diberi secara milik kekal (free hold).

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kuasa pemberian milik tanah adalah terletak pada Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan. Dalam konteks pembangunan Iskandar Malaysia (IM), Kerajaan Negeri Johor mengambil ketetapan dasar iaitu tidak menyerahkan pemilikan tanah secara kekal kepada pelabur asing melainkan secara pajakan sepertimana kebenaran pajakan kecil yang diperuntukan di dalam Kanun Tanah Negara 1965, iaitu antara 33 tahun hingga 99 tahun. Ini akan

memastikan pelaburan asing terus berjalan tanpa pemberian pemilikan kekal tanah kepada warga asing. Pemberian tanah secara pajakan bergantung kepada jenis dan kegunaan tanah dan dibuat berdasarkan secara kes. Hak milik tanah secara kekal bagi kawasan pembangunan *Node 1* di Nusajaya, sebagai contoh, hanya diberi kepada pelabur tempatan iaitu Iskandar Investment Berhad (IIB).

Iskandar Malaysia diwujudkan bukan untuk memberi keistimewaan kepada sesebuah negara lain atau pelabur. Walau bagaimanapun, adalah diakui bahawa pelaburan swasta, samada tempatan dan asing merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan sesuatu rancangan pembangunan. Kerajaan menyedari pelaburan, khususnya pelaburan asing, merupakan pemangkin bagi menjana penglibatan pelabur dan usahawan tempatan dalam pembangunan Iskandar Malaysia serta mewujudkan peluang pekerjaan yang akan memberi faedah kepada rakyat Johor khususnya dan Malaysia. Namun, Kerajaan akan tetap menjamin kepentingan rakyat tempatan serta penglibatan penglibatan pelabur tempatan akan diberi keutamaan yang tinggi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. JAMALUDDIN BIN DATO'  
MOHD JARJIS (ROMPIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.10.2008**

**Dato' Seri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis (Rompin)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai cadangan bagi mengkaji semula program Potongan Cukai Berjadual (PCB) di kalangan kakitangan Kerajaan bagi meringankan beban kenaikan kos sara hidup sekarang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa pembentangan Bajet 2009, Kerajaan telah mengumumkan mengenai penurunan kadar cukai pendapatan individu sebanyak 1 peratus iaitu daripada 13 peratus kepada 12 peratus bagi pendapatan bercukai dalam julat RM35,000 hingga RM50,000 dan daripada 28 peratus kepada 27 peratus bagi kadar cukai maksimum. Di samping itu, rebat individu bagi diri pembayar cukai dan pasangan juga dinaikkan daripada RM350 kepada

RM400 seorang. Dengan ini, Potongan Cukai Berjadual (PCB) bagi pembayar cukai akan berkurangan. Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mengeluarkan jadual PCB yang baru dengan mengambil kira penurunan dalam kadar cukai dan kenaikan dalam rebat individu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA)  
**TARIKH** : 16.10.2008  
**SOALAN** : **Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA)**

Meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada projek pembinaan tempat letak kereta dan ruang pejabat tambahan di Parlimen yang di jadual dalam RMK-9 dibatalkan. Jika ya, mengapa.

**JAWAPAN**

Untuk makluman YB, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah membuat penelitian lanjut mengenai cadangan pembinaan ruang pejabat tambahan termasuk tempat letak kereta di Parlimen. Berdasarkan keutamaan Kerajaan buat masa ini, keputusan telah dibuat supaya cadangan projek ini dipertimbangkan semula secara tender di bawah RMK-10 kelak.

NO: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Tuan Hee Loy Sian  
[ Petaling Jaya Selatan ]**

**TARIKH : 16 Oktober 2008 (Khamis)**

**SOALAN : 20**

Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menyelesaikan ruang meletak kenderaan di perkarangan stesen-stesen LRT kerana ruang yang sedia ada didapati tidak cukup untuk menampung jumlah kenderaan yang banyak seperti yang berlaku di stesen LRT Asia Jaya, Amcorp Mall dan Kelana Jaya.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) selaku pemilik aset LRT mempunyai perancangan dan sedang berusaha untuk menambah bilangan tempat letak kereta di stesen-stesen LRT Aliran Ampang (LRT - STAR) serta Aliran Kelana Jaya (LRT - PUTRA). Prasarana telah menjalankan kajian dan telah mengenal pasti beberapa stesen LRT seperti Stesen Maluri, Kelana Jaya, Taman Paramount serta Terminal Putra Gombak untuk menambahkan bilangan tempat letak kereta.

Adalah dimaklumkan bahawa jumlah anggaran bilangan petak letak kereta baru yang akan ditambahkan adalah 810 petak bagi kedua-dua sistem LRT tersebut dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2010. Untuk makluman juga, bilangan tempat letak kereta sedia ada bagi LRT Aliran Ampang ialah sebanyak 1,989 petak, manakala bagi LRT Aliran Kelana Jaya ialah sebanyak 1,437 petak.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.10.2008**

Tuan Raime bin Unggi (Tenom) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana prestasi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dalam merencanakan pembangunan negara sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam merencanakan pembangunan negara sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) sebagai salah sebuah Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) telah diberikan mandat antaranya untuk mewujudkan nilai berkekalan di kalangan syarikat GLC bagi menyumbang ke arah pembentukan negara yang berdaya maju dalam jangka masa panjang.

2. Beberapa inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan oleh Khazanah dengan pencapaian setakat ini seperti berikut:

- i. menyusun semula Pelaburan Legasi  
Semenjak Mei 2004 sehingga kini, 7 daripada 11 syarikat bermasalah telah berjaya dipulihkan. Usaha pemulihan syarikat akan diteruskan bagi memperkukuhkan lagi kedudukan syarikat GLC tempatan dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara.
  
- ii. mengimplementasikan Program Transformasi GLC  
Sehingga kini, kesemua 10 inisiatif penambahbaikan strategik telah dilancarkan. Setakat 31 Mei 2008, pendapatan agregat G-20 telah meningkat sebanyak 91% daripada RM10.0 bilion kepada RM19.1 bilion manakala permodalan pasaran G-20 turut meningkat sebanyak 59% atau RM85 bilion daripada RM145 bilion kepada RM230 bilion berbanding pada 14 Mei 2004.
  
- iii. meneroka peluang pelaburan baru  
Sehingga 31 Mei 2008, Nilai Aset Bersih portfolio Khazanah telah meningkat daripada RM33.3 bilion pada 14 Mei 2004 kepada RM53.1 bilion. Sepanjang tempoh tersebut juga, Khazanah telah membuat 42 pelaburan baru bernilai RM28.6 bilion yang menghasilkan keuntungan modal dan dividen sebanyak RM6.8 bilion atau 23.7%. Pelaburan di luar negara turut mencatatkan peningkatan iaitu pada tahap 12% daripada keseluruhan portfolio pelaburan Khazanah berbanding pada 0.7% empat tahun lalu.

iv. pembangunan modal insan

Antara program yang dijalankan termasuk:

- penyediaan biasiswa untuk pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi melalui Yayasan Khazanah, Yayasan TM, Yayasan TNB dan Kumpulan UEM;
- penyediaan program latihan industri kepada siswa menganggur seperti Program Green kelolaan Khazanah dan Kumpulan UEM; dan
- pelaksanaan program PINTAR di mana 23 buah syarikat GLC telah mengambil 152 buah sekolah angkat yang melibatkan 80,000 orang murid.

3. Di samping itu, Khazanah juga turut memainkan peranan utama dalam pembangunan Iskandar Malaysia. Sehingga Jun 2008, lebih 77% sasaran pelaburan untuk tempoh empat tahun pertama projek berjumlah RM36.1 bilion berjaya diperolehi.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN  
[ PASIR SALAK ]

TARIKH : 16 OKTOBER 2008

SOALAN:

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah cadangan Kerajaan-Kerajaan negeri Perak dan Pulau Pinang memberi hak milik tanah kekal (999 tahun) tidak bercanggah dengan Kanun Tanah Negara (National Land Code).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 telah memberikan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk melupuskan tanah kerajaan secara pemberimilikan seperti berikut:-

- (a) pajakan tidak melebihi 99 tahun;
- (b) pegangan kekal untuk kegunaan kerajaan Persekutuan;
- (c) pegangan kekal untuk maksud awam; dan
- (d) pegangan kekal dalam keadaan-keadaan khas (*special circumstances*) seperti dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Berhubung dengan cadangan Kerajaan-Kerajaan negeri Perak dan Pulau Pinang memberi milik tanah bagi tempoh 999 tahun, ianya tidak boleh dilaksanakan kerana bertentangan dengan peruntukan seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARPADA : Puan Norah binti Abd. Rahman**  
**[ Tanjung Manis ]**

**TARIKH : 16 Oktober 2008 ( Khamis )**

**SOALAN : 23**

**Puan Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ] minta**  
**MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) bilangan landasan kapal terbang swasta di negara Malaysia; dan
- (b) apakah bentuk kemudahan bagi pengusaha-pengusaha landasan swasta ini.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Bilangan landasan terbang persendirian/swasta yang dibenarkan untuk mengendalikan operasi kapal udara pengangkutan awam (*public transport aircraft*) yang terdapat di Negara kita pada masa ini adalah sebanyak 3 buah iaitu Padang Terbang Tanjung Manis (Sarawak), Padang Terbang Tomanggong (Sabah) dan Padang Terbang Kerteh (Terengganu).

Bagi membolehkan pengusaha –pengusaha atau Operator Padang Terbang tersebut mengendalikan operasi kapal udara pengangkutan awam di padang terbang berkenaan, Kerajaan telah memberikan Lesen Pengendalian Aerodrome yang dikeluarkan di bawah peruntukan Akta Penerbangan Awam 1969. Selain daripada itu, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) juga memberikan perkhidmatan pemeriksaan pematuhan piawaian pengurusan padang terbang secara berjadual ke atas padang terbang – padang terbang tersebut dan juga memberikan panduan serta nasihat teknikal yang meliputi hal-hal keselamatan, sekuriti dan kecekapan pengurusan padang terbang kepada Operator Padang Terbang apabila diperlukan.

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago  
[Klang]

TARIKH : 16 OKTOBER 2008 [KHAMIS]

SOALAN : **Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago**  
**[ Klang ]** minta **MENTERI PERTANIAN**  
**DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan rancangan Kerajaan  
membantu nelayan dan golongan  
perniagaan untuk mengenal pasti dan  
memenuhi piawaian Eropah terhadap  
produk makanan laut. Apakah  
implikasi sikap Eropah ini terhadap  
perbincangan EU-ASEAN  
FTA.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Diantara rancangan kerajaan untuk membantu nelayan dan golongan peniaga terlibat, Kementerian telah menyediakan pinjaman mudah bagi membantu pengusaha-pengusaha meningkatkan kemudahan perkilangan mereka bagi mencapai standard peraturan pengeksportan antarabangsa khususnya ke EU. Bagi memenuhi piawaian tersebut, Jabatan Perikanan telah mengadakan taklimat khusus berkaitan dengan peraturan-peraturan eksport produk perikanan ke EU kepada pengusaha, nelayan, penternak dan pemproses.

Di samping itu, taklimat dan perbincangan dengan pihak pengusaha melalui Majlis Perundingan Industri (MPI) diadakan bagi membincangkan perkara-perkara semasa berkaitan industri. Promosi produk-produk perikanan ke luar negeri seperti di Brussels (Belgium), Dubai (UAE), Moscow (Rusia) dan Nuremberg (Germany) juga diadakan bagi membantu pengusaha-pengusaha perikanan tempatan untuk memasarkan produk-produk perikanan mereka.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING (TAIPING)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.10.2008**

Tuan Nga Kor Ming (Taiping) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan sebab-sebab terperinci mengapa 4 syarikat diberi status monopoli merangkul kontrak pemasangan lampu di jalan dan bangunan bagi semua jabatan Kerajaan serta badan berkanun dan apakah nilai kontrak yang diberi.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dengan pelaksanaan Dasar Pembangunan Negara (DPN) yang di antara lainnya bertujuan untuk meningkatkan bina upaya pengusaha tempatan termasuk membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berdaya saing serta berdaya tahan di samping menggalakkan penggunaan bahan/barangan keluaran tempatan. Pelantikan empat (4) syarikat berstatus syarikat pembuat di bawah Kontrak Pusat Sistem Panel melalui Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2006 untuk pembekalan lampu jalan, lampu hiasan, lampu luar bangunan dan aksesori berkaitan bagi projek-projek Kerajaan adalah

merupakan salah satu usaha ke arah merealisasikan objektif pelaksanaan DPN ini.

2. Bagaimanapun, pelantikan syarikat panel tidak bermakna pembekalan produk tersebut dimonopoli dan dihadkan kepada empat (4) syarikat ini sahaja kerana terdapat mekanisme yang membenarkan bilangan syarikat pembekal ditambah dari semasa ke semasa jika didapati memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan, seperti mana terkandung di dalam Pekeliling Kontrak Perbendaharaan berkenaan.

3. Selain itu, agensi Kerajaan perlu memastikan bahawa perolehan produk berkaitan lampu jalan daripada syarikat panel adalah bagi produk yang memiliki Sijil Perakuan SIRIM QAS International Sdn Bhd atau IKRAM QA Services Sdn Bhd. Ini menunjukkan bahawa syarikat panel sebenarnya tidak memonopoli pasaran perolehan Kerajaan memandangkan pemakaian peraturan hanya terhad kepada produk yang dikeluarkan oleh syarikat panel tersebut serta yang diiktiraf melalui Sijil Perakuan. Sekiranya produk yang ditawarkan tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan oleh agensi, maka perolehan boleh dilaksanakan dengan syarikat selain syarikat panel iaitu di luar peraturan Kontrak Pusat Sistem Panel.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi pelaksanaan Kontrak Pusat Sistem Panel, nilai kontrak tidak ditetapkan kerana setiap agensi melaksanakan perolehan mengikut keperluan masing-masing. Syarikat panel perlu bersaing sesama mereka dan syarikat yang memenuhi keperluan teknikal, menepati tahap kualiti yang ditetapkan serta menawarkan harga terendah akan dilantik oleh agensi untuk pembekalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [ KELANA JAYA ]**  
**TARIKH : 16 OKTOBER 2008**  
**RUJUKAN : 1286**

**SOALAN :**

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil daripada siasatan polis berkaitan dengan laporan yang dibuat oleh Sharmila Turaisingam pada 12 Januari 2008 bahawa beliau tidak pernah berdaftar sebagai pengundi tetapi namanya terdapat di dalam senarai pemilih di Kubang Kerian, Kelantan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kelana Jaya yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian telah membuat semakan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan mendapati bahawa SPR telah menerima satu permohonan pendaftaran pemilih di atas penama Sharmila Turaisingam pada 10 Mac 1998. Memandangkan penama telah menggunakan alamat Kg. Wakaf Zain di dalam permohonan tersebut, SPR telah menempatkan nama beliau di Parlimen P.024 Kubang Kerian dan N17. Salur, Kelantan.

Pada 12 Januari 2008 pula, SPR menerima permohonan daripada Sharmila Turaisingam untuk menukar alamat melalui Pejabat Pos. Berdasarkan alamat yang terdapat di dalam kad pengenalan beliau, nama Sharmila Turaisingam telah ditempatkan di Parlimen P.104 Kelana Jaya dan N.31 Subang Jaya, Selangor. Penempatan nama tersebut kekal di dalam daftar pemilih SPR sehingga kini.

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai laporan yang dibuat oleh pengadu (Sungai Way Report: 35/08), perkara ini masih lagi dalam siasatan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENJA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.10.2008**

**Tuan Mahfuz bin Omar (Pokok Senja) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang telah mengeluarkan zakat perniagaannya.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di antara syarikat GLC yang telah mengeluarkan zakat perniagaan adalah Telekom Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad, Felda Holdings Berhad dan Felcra Berhad.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD  
[ HULU SELANGOR ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2008**

**RUJUKAN : 1287**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rasionalnya penglibatan Angkatan Tentera Malaysia yang terlibat dalam menjaga ketenteraman awam.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan terlibat di dalam menjaga ketenteraman awam apabila "darurat" diisytiharkan di dalam negara ini. Ini termaktub di dalam "Public Order Manual" (POMAN).

Untuk meningkatkan kesiapsiagaan, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan ATM telah mengadakan latihan bersama. Melalui latihan-latihan ini, PDRM dan ATM dapat mempelajari strategi baru dalam menangani isu ketenteraman awam. Ini adalah sebagai persediaan negara untuk menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya insiden yang mengganggu ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Latihan bersama antara PDRM dan ATM akan dapat menguji tahap kemampuan, ketangkasan dan koordinasi kedua-dua pihak dari segi logistik dan keanggotaan. Latihan ini amat perlu demi mencapai objektif utama iaitu bertindak secara efektif apabila wujud sebarang ancaman terhadap ketenteraman awam & keselamatan negara ini.

Tuan Yang Dipertua,

Sejajar dengan tujuan tersebut, latihan bersama PDRM dan ATM telah diadakan pada 2 Julai 2008 sehingga 7 Julai 2008 yang dikenali sebagai Latihan Bersatu Aman Siri 1/2008.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]**

**TARIKH : KHAMIS, 16 OKTOBER 2008**

**RUJUKAN : 09**

**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan usaha-usaha yang diadakan untuk membantu para pekedai kecil dan pedagang di Wilayah Persekutuan untuk menghadapi tekanan inflasi dan suasana ekonomi yang tidak cerah. Apakah langkah-langkah untuk menguruskan kutipan cukai termasuk bayaran letak kereta, penilaian dan sebagainya yang tidak akan menambahkan beban ke atas warga kota.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sememangnya sentiasa berusaha untuk membantu para pekedai kecil, peniaga dan seluruh warga kota di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menghadapi tekanan inflasi. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan ialah menyediakan pusat-pusat penjaja dan mewujudkan Bazar Larut Malam di sekitar Kuala Lumpur. **Selain itu, DBKL juga telah mengambil langkah untuk mengurangkan kadar sewa gerai DBKL sehingga 25 peratus bagi membantu peniaga-peniaga kecil di sekitar Kuala Lumpur.** Gerai-gerai yang terlibat adalah seperti gerai-gerai di Jalan Petaling dan Pusat Penjaja "The Makan Place", Mid Valley Mega Mall, Kuala Lumpur.

Berkaitan dengan cukai taksiran, adalah dimaklumkan bahawa mengikut amalan biasa nilai cukai taksiran akan disemak semula berasaskan kepada penilaian terhadap harta yang dilaksanakan pada setiap 10 tahun sekali. **Kali terakhir semakan penilaian harta dan cukai taksiran bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah pada tahun 1992. Sepatutnya, penilaian semula dilakukan pada tahun 2002. Dalam hal ini, Kementerian Wilayah Persekutuan telah memutuskan supaya proses**

**penilaian semula ke atas keseluruhan harta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tersebut ditangguhkan lagi.**

Cukai taksiran merupakan cukai ke atas pemilikan harta, termasuk tanah kosong di mana bayaran cukai ini perlu dijelaskan kepada DBKL setiap 2 kali setahun. Walau bagaimanapun, **DBKL menyediakan kemudahan untuk menjelaskan bayaran ini secara berjadual dengan syarat jumlah cukai tersebut dijelaskan dalam tahun yang sama.** Ini membolehkan para peniaga merancang pembayaran secara berjadual berbanding dengan membuat bayaran secara sekaligus setiap 6 bulan sekali.

Tuan Yang di-Pertua,

**Pihak DBKL melaksanakan Sistem Letak Kereta Elektronik (SLKE) adalah untuk memperbaiki pengurusan tempat letak kereta tepi jalan.** Dari pemantauan pihak DBKL dan aduan-aduan orang awam, kebanyakan pusat komersial terutamanya yang berada di Luar Pusat Bandar mengalami kesesakan teruk khususnya pada waktu puncak akibat sikap dan perbuatan sebahagian pengunjung meletak kenderaan mereka secara tidak teratur. Keadaan ini diburukkan lagi dengan sikap sesetengah pihak

memonopoli tempat letak kereta di kawasan-kawasan tersebut untuk tujuan tertentu.

Dengan pelaksanaan SLKE adalah di jangkakan kemudahan tempat meletak kereta tepi jalan akan lebih mudah diperoleh dan lebih ramai pengunjung boleh berkunjung dan berurusan di kawasan tersebut.

**Pihak DBKL tidak menaikkan kadar bayaran caj tempat letak kereta. Caj yang sama telah diguna sejak 1984 masih digunakan untuk SLKE iaitu:**

**Pusat Bandar - 80 sen/ sejam atau sebahagiannya.**

**Luar Pusat Bandar - 50 sen/ sejam atau sebahagiannya.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI  
[TITIWANGSA]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2008**

**RUJUKAN : 1288**

**SOALAN :**

**Dr. Lo' Lo' Binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah pelacuran dan aktiviti maksiat di Jalan Haji Taib dan Chow Kit yang sering dilaporkan oleh media; dan
- (b) apakah punca Pondok Polis di Jalan Haji Taib ditutup sedangkan aktiviti maksiat, perjudian, samun dan pergaduhan sering berlaku di situ.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Titiwangsa yang telah mengemukakan soalan.

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Polis Diraja Malaysia sentiasa mengadakan operasi berterusan di kawasan Jalan Hj. Taib dan Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur, dalam usaha membanteras aktiviti maksiat dan kegiatan pelacuran. Tindakan-tindakan yang telah diambil termasuklah :-

- i. Memeriksa rumah-rumah tumpangan dan hotel-hotel murah yang disyaki menjalankan aktiviti pelacuran;
- ii. Menjalankan pemeriksaan dan serbuan ke atas hotel-hotel sekitar Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur, yang mempunyai perkhidmatan urut atau "Spa", memandangkan ada hotel-hotel yang kononnya menawarkan perkhidmatan urut atau "Spa", sebenarnya menjalankan kegiatan pelacuran;
- iii. Menjalankan tangkapan terhadap wanita-wanita yang terlibat dalam aktiviti pelacuran dan juga pihak yang terlibat dalam penganjuran aktiviti pelacuran;

- iv. Menjalankan risikan ke atas subjek-subjek yang menjalankan kegiatan pelacuran;

Tuan Yang Dipertua,

(b) Pondok polis di Jalan Haji Taib terpaksa ditutup kerana pihak Polis mendapati bahawa lokasi tersebut tidak lagi sesuai atau selamat bagi anggota Polis yang bertugas. Persekitaran kawasan yang kotor, kemungkinan terdedah kepada penyakit berjangkit serta ancaman penjenayah-penjenayah memudaratkan keselamatan anggota.

Walau bagaimanapun, pihak Polis sedang berusaha untuk mendapatkan satu lokasi lain yang berdekatan dengan kawasan berkenaan untuk mendirikan Pondok Polis baru agar dapat memberikan perkhidmatan yang terjamin dan berterusan kepada orang awam di kawasan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN  
RAKYAT

---

**SOALAN 3/** : PR-1213-L15507  
**PERTANYAAN** : JAWAB LISAN  
**DARIPADA** : YB TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI  
AYUB

**TARIKH** : 16 Oktober 2008

**SOALAN** : YB Tuan Salahuddin bin Haji Ayub  
(Kubang Kerian) minta MENTERI  
LUAR NEGERI menyatakan jumlah  
tenaga terlatih yang sedang  
berkhidmat di Kedutaan, Konsulat  
serta Pesuruhjaya Tinggi di seluruh  
dunia dan adakah Kerajaan berpuas  
hati dengan prestasi mereka  
khususnya dalam memastikan nama  
baik negara dari masa ke semasa.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian yang telah mengemukakan soalan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga Julai 2008 keseluruhan pegawai dan kakitangan Kementerian Luar Negeri di Wisma Putra adalah seramai 1051 orang. Daripada jumlah tersebut, pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perwakilan Malaysia luar negeri adalah sebanyak 401 orang, yang terdiri daripada 147 orang Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dan 254 orang kakitangan Kumpulan Sokongan I & II. Bilangan ini tidak termasuk pegawai dan kakitangan daripada Kementerian dan agensi lain seperti Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa (MITI) dan MATRADE.

2. Sebelum pegawai dan kakitangan ini ditugaskan di Perwakilan Malaysia luar negeri mereka telah diberikan latihan dan kursus yang secukupnya bagi membolehkan mereka memiliki kompetensi untuk menjalankan tugas dengan baik. Kursus dan latihan yang dijalankan adalah terdiri daripada kursus-kursus dalaman (*in-house training*) dan kursus-kursus anjuran institusi latihan awam dan swasta seperti

IDFR, INTAN, JPA, JPM, Kementerian Keuangan dan lain-lain agensi Kerajaan dan juga swasta.

3. Kerajaan berpuas hati dengan prestasi, kebolehan dan kelayakan mereka yang sesuai serta layak ditempatkan ke luar negeri mengikut keadaan. Kementerian juga mengadakan program pembelajaran berterusan '*continued training*' dalam bidang diplomasi, perhubungan antarabangsa, akademik dan bidang yang sesuai dengan tugas.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
(MACHANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.10.2008**

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa wang penjimatan subsidi yang diperolehi oleh Kerajaan dengan menaikkan harga minyak baru-baru ini dan dari penjimatan tersebut berapa pula yang dibelanjakan untuk Pemakanan, Pendidikan, Kesihatan, Perumahan Rakyat, Kemiskinan dan Pembangunan Luar Bandar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan bagi tahun 2007 adalah RM8.8 bilion. Sekiranya harga petrol dan diesel masing-masing dikekalkan pada kadar RM1.92 seliter dan RM1.58 seliter, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh Kerajaan bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM28 bilion setahun iaitu melebihi 3 kali ganda berbanding tahun 2007. Anggaran dibuat berdasarkan harga purata produk petrol, diesel dan LPG bagi bulan Mei 2008 yang pada masa itu bersamaan dengan

harga purata *crude* WTI USD125 setong. Amaun ini adalah tidak termasuk anggaran kehilangan hasil Kerajaan sebanyak RM7.8 bilion.

2. Pada 5 Jun 2008, Kerajaan telah menstrukturkan semula subsidi minyak dengan menaikkan harga minyak di pam sebagai langkah membendung aktiviti penyelewengan dan penyeludupan serta mengurangkan subsidi minyak. Pada masa yang sama, Kerajaan telah melaksanakan langkah seperti pemberian rebat tunai serta menambah fleetcard diesel untuk mengurangkan impak kenaikan harga pam ke atas golongan sasaran.

3. Dianggarkan kenaikan harga minyak ini akan dapat mengurangkan tanggungan subsidi minyak Kerajaan. Tanggungan subsidi minyak diesel tidak banyak berubah memandangkan sektor pengangkutan awam dan syarikat pengangkutan masih menikmati pembelian diesel pada harga RM1.43 se liter, di mana ia meliputi hampir keseluruhan permintaan diesel di stesen minyak.

4. Dengan kenaikan harga petrol di pam pada harga RM2.70 seliter, pengurangan tanggungan subsidi petrol adalah sebanyak RM8.6 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM6.6 bilion telah disalurkan melalui pemberian rebat tunai, bantuan kepada nelayan, bot penumpang dan pengurangan cukai jalan. Bagi peluasan jaringan keselamatan sosial dan pengukuhan jaminan makanan, seperti subsidi padi dan stok penimbal beras, perbelanjaan Kerajaan adalah melebihi RM2 bilion berbanding

baki subsidi bersih daripada langkah penstrukturan semula sistem subsidi sebanyak RM2 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
(SELAYANG)  
TARIKH : 16 OKTOBER 2008 (KHAMIS)

**SOALAN:**

Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah punca dan sebab masalah Mat Rempit dan Minah Rempit wujud dan apakah langkah yang diambil untuk mengatasinya.

**JAWAPAN**

1. Masalah Mat Rempit dan Minah Rempit merupakan satu fenomena yang telah lama wujud di kalangan belia Malaysia, cuma dikenali dengan pelbagai istilah yang berbeza mengikut peredaran masa yang bermaksud pelumba haram. Perkataan rempit adalah diambil dari istilah Bahasa Inggeris "*ramp-it*" dan Mat Rempit atau Minah Rempit adalah individu lelaki atau perempuan yang menyertai perlumbaan haram dengan menggunakan motosikal yang berkuasa kecil iaitu 150cc dan ke bawah.
2. Berdasarkan kajian bertajuk "*Faktor-faktor Mempengaruhi Keterlibatan Remaja Dalam Perlumbaan Motosikal Haram dan*

*Hubungannya Dengan Jenis Personaliti, Sokongan Sosial dan Coping Skill*” yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dengan kerjasama Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Malaysia pada tahun 2007, beberapa punca dan sebab wujudnya masalah Mat Rempit dan Minah Rempit adalah seperti berikut :

- i. Desakan atau pengaruh daripada rakan sebaya. Berdasarkan dapatan kajian, 87% Mat Rempit/Minah Rempit adalah mereka yang berusia 14 hingga 25 tahun.
  - ii. Dari aspek psikologi, Mat Rempit/Minah Rempit adalah mereka yang mempunyai ciri personaliti khusus seperti suka mencari kebebasan, tertarik dengan tawaran hadiah atau ganjaran berupa wang ringgit, motosikal dan wanita / lelaki serta pengiktirafan sebagai 'hero atau heroin'.
3. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor keterlibatan responden yang terlibat dalam aktiviti Mat Rempit/Minah Rempit adalah atas sebab seperti berikut:
- |                           |       |
|---------------------------|-------|
| i. Kepuasan diri          | 48.1% |
| ii. Mengisi masa lapang   | 37.0% |
| iii. Pengaruh kawan       | 27.8% |
| iv. Menunjukkan kehebatan | 10.2% |
| v. Hadiah yang ditawarkan | 5.6%  |
| vi. Pengiktirafan         | 9.3%  |

4. Sehubungan ini pelbagai usaha dan langkah positif telah diambil oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan untuk mengatasi masalah ini daripada terus berleluasa di kalangan belia yang terlibat. Pelbagai program menangani gejala lumba haram telah diperkenalkan oleh Kementerian ini dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan / swasta / NGO's yang lain, antaranya *Program Rakan Muda Sensasi Motosikal, Sirkuit Sprint Test & Kereta Auto Show, Sirkuit Motorcross, Klinik Pocket Bike, Kursus Asas dan Sirkuit Cubcross Peringkat Negeri, Kursus Advance Riding, Kejohanan Cubcross Kebangsaan, Kejohanan Motocross Kebangsaan, Kejohanan Cubprix dan Skuter Prix, Kejohanan Terbuka 125cc, 250cc, dan MotoGP, KBS Drag Challenge dan Program Sukan Motor Untuk Mat Rempit.*
  
5. Pihak Kementerian ini juga melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sukan bermotor hingga ke peringkat akar umbi, misalnya mengadakannya di kawasan FELDA. Program ini akan memberi peluang serta alternatif kepada golongan belia untuk mengambil bahagian dan berlumba motor secara sihat, sah dan selamat. Program ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran, kemahiran serta pengetahuan tentang cara pengendalian dan kaedah berlumba motor yang betul dengan mengutamakan ciri-ciri keselamatan.
  
6. Matlamat penganjuran Program-program Sukan Bermotor ini adalah seperti berikut:

SOALAN NOMBOR : 33

- i. Memberikan ruang dan peluang kepada golongan muda menunjukkan bakat mereka melalui satu sirkit perlumbaan yang terancang dan selamat;
- ii. Meningkatkan imej golongan pelumba jalanan supaya mereka mempunyai satu *branding* kejuaraan yang menjadi kebanggaan, sebutan dan rebutan semua;
- iii. Mengalihkan tumpuan golongan muda daripada lumba haram kepada konsep perlumbaan sebenar di mana nilai-nilai mengutamakan keselamatan dan pemanduan berhemah diberi penekanan utama; dan
- iv. Mewujudkan peminat-peminat sukan bermotor yang berkompentensi, berdisiplin dan berpengetahuan melalui pendedahan kepada peraturan-peraturan dan undang-undang sebenar pertandingan yang sah secara minimum agar mereka dididik mengenai amaran "Sukan Bermotor Adalah Berbahaya" dan mengelakkan berlakunya kegiatan lumba haram dan kecelakaan maut.

**JAWAPAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**  
**MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB (LANGKAWI)**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2008 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 34**

**DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB minta**  
**MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN**  
**DAN WARISAN menyatakan:-**

- (a) Sejauh manakah produk kraf Malaysia dapat menandingi produk kraf asing yang diimport secara berleluasa; dan
- (b) Apakah tindakan Kerajaan untuk mempromosikan keluaran batik dan songket di dalam dan luar negara. Adakah ianya berjaya?

## **JAWAPAN**

**Tan Sri Yang Dipertua,**

**(a) Produk kraf Malaysia mempunyai keunikan dari segi reka corak, reka bentuk dan identiti yang tersendiri. Begitu juga produk kraf yang diimport dari negara asing. Dalam usaha untuk memastikan produk kraf Malaysia terus mendapat tempat dihati pengguna, Kementerian melalui Kraftangan Malaysia sentiasa mempertingkatkan usaha-usaha pembangunan produk dan kajian teknologi serta bahan. Usaha ini dilaksanakan bagi menghasilkan produk yang memenuhi cita rasa pasaran, boleh menawarkan pilihan produk kepada pengguna dan mampu mengeluarkan produk secara kos efektif. Dengan cara begini, produk kraf Malaysia dapat bersaing dengan produk kraf keluaran negara asing yang dibawa masuk ke negara ini.**

**(b) Kementerian melalui agensinya, Kraftangan Malaysia sememangnya sentiasa berusaha untuk memperkenalkan dan memasarkan produk kraf Malaysia termasuk batik dan songket yang berkualiti dan mempunyai reka corak yang berbeza-beza di peringkat domestik dan antarabangsa.**

**Di peringkat domestik, Kementerian mengadakan promosi bertema seperti Hari Kraf Kebangsaan, Promosi Batik Merdeka sempena sambutan kemerdekaan, promosi di pusat membeli-belah, promosi di negeri-negeri dan penyertaan dalam pameran perdagangan. Pada tahun 2007, sebanyak RM5.8 juta telah diperolehi daripada jualan batik dan RM1.4 juta dari jualan tenun termasuk songket. Dari segi peratusannya, batik telah menyumbang 45 peratus dan tenun 11 peratus daripada jualan keseluruhan. Sehingga Julai 2008 pula, batik telah menyumbang sebanyak RM4.8 juta dan tenun**

sebanyak RM645 ribu iaitu 39 peratus dan 5 peratus daripada jualan keseluruhan. Ini bermakna terdapat permintaan bagi batik dan tenun termasuk songket. Perlaksanaan pemakaian batik pada setiap hari Khamis oleh kakitangan Kerajaan juga dilihat sebagai usaha yang dapat membantu meningkatkan pendapatan usahawan batik.

Di peringkat antarabangsa pula, batik dan tenun termasuk songket dipromosikan menerusi penganjuran promosi di pusat membeli-belah, penyertaan dalam pameran perdagangan dan pameran pengguna serta promosi khas seperti Minggu Malaysia di London.

Kementerian juga turut menyertai peragaan tekstil di peringkat antarabangsa sebagai kaedah promosi secara langsung dan mengadakan jalinan kerjasama dengan pereka fesyen bertaraf antarabangsa untuk

mengetengahkan penggunaan produk batik dan tenun. Kementerian yakin dengan usaha yang lebih gigih industri batik dan songket akan terus berkembang.